

02 NOV 2001
Sukan-SEA (Hadiah)
YI WEI DAPAT HABUAN TERBANYAK

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Peserta gimrama negara Goh Yi Wei muncul penerima terbanyak Skim Hadiah Kemenangan Sukan Majlis Sukan Negara ekoran kejayaannya merangkul empat pingat emas pada temasya Sukan SEA ke-21 dua bulan lepas.

Yi Wei, 17, menerima RM16,666 hasil keupayaannya memenangi tiga pingat emas individu dalam acara gelung, belantan dan keseluruhan individu serta emas berpasukan.

Beliau bersama 184 atlit lain yang berjaya meraih pingat emas pada temasya Sukan SEA menerima hadiah masing-masing daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu majlis gemilang di sini malam ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia Tunku Imran Tuanku Ja'afar.

Peserta wusyu Oh Poh Soon dan penerjun Leong Mun Yee masing-masing menerima RM15,000 manakala ratu boling negara Shalin Zulkifli yang turut memenangi empat pingat emas membawa pulang RM14,832.

Poh Soon memenangi tiga pingat emas dalam acara Changquan, Jianshu dan Qiangshu manakala Mun Yee merangkul empat emas dalam acara 3 meter papan anjal wanita, 10m platform, 3m dan 10m terjun berirama.

Setiap pingat emas Sukan SEA bernilai RM5,000 dengan tambahan RM1,000 bagi mana-mana atlit yang mencatat rekod baru.

Perenang negara Anthony Ang yang unggul dalam tiga acara menerima RM13,250, di tangga kelima, manakala Olahragawan Sukan SEA ke-21 Qabil Ambak dari acara ekuestrian yang turut meraih empat pingat mengumpul RM12,500.

Malaysia memenangi 111 pingat emas, 75 perak dan 85 gangsa pada temasya Sukan SEA lepas sekali gus muncul sebagai juara keseluruhan buat kali pertama.

Persatuan terbanyak mengumpul hadiah kemenangan menerusi skim itu adalah Kesatuan Renang Amatur Malaysia (ASUM) yang menerima sejumlah RM127,500 diikuti Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF) RM106,000 dan Persekutuan Karate-do Malaysia (MAKAF) sebanyak RM58,500.

Sejumlah RM775,500 dikeluarkan oleh MSN bagi skim hadiah kemenangan itu ekoran kejayaan pada temasya Sukan SEA kepada 185 atlit yang berjaya.

Senarai atlit dan jumlah hadiah:

1. Go Yi Wei (Gimrama) RM16,666,
2. Oh Poh Soon (Wusyu) dan Leong Mun Yee (Terjun) kedua-duanya RM15,000,
4. Shalin Zulkifli (Boling) RM14,832,
5. Anthony Ang (Renang) RM13,250,
6. Qabil Ambak (Ekuestrian) RM12,500,
7. Lim Keng Liat (Renang) RM12,250,
8. Celestie Chan (Gimrama) RM11,666,
9. Elvin Chia (Renang) RM11,250,
10. Nurul Fatiha Hamid (Gimnastik), Chang Zhi Wei (Gimnastik) dan Josiah Ng (Berbasikal) kesemuanya RM11,000.

-- BERNAMA

HRS AFY ZB